

# Pencinta alam bersatu tabur bakti

## ■ 60 pelajar UPM bersih Hutan Lipur Gua Batu Maloi

Oleh Amran Yahya  
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

Seramai 60 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang menjayakan program gotong-royong di Hutan Lipur Gua Batu Maloi (HLGBM), Johor, di sini, baru-baru ini.

Program selama dua hari anjuran Kolej 14 UPM itu dihadiri penuntut tahun pertama sehingga peringkat sarjana membabitkan 23 pelajar lelaki dan 37 pelajar perempuan.

Ketua projek Munir Hayat Md Baharin, 20, berkata, kawasan ini dipilih selepas pihaknya melayari Internet selain dimaklumkan penuntut yang pernah datang ke sini mengenai keunikan HLGBM.

"Walaupun sebelum ini kami pernah mengikuti beberapa aktiviti seperti di Gunung Berembun, Cameron Highlands dan program anak angkat di Kampung Haji Dorani, Sabak Bernam, tetapi aktiviti di HLGBM ini mempunyai kelainan dan tarikan tersendiri," katanya yang menuntut di tahun kedua jurusan Sains Komputer.

**FAKTA**  
**Aktiviti gotong-royong disudahkan sebelum jam 6 petang**

CALY memberi taklimat program gotong-royong di Hutan Lipur Gua Batu Maloi, Johor.

Sementara itu, Pegawai Renjer Hutan Gemencheh Caly Aszman Hassan, 40, memuji program berkenaan yang berjalan lancar melalui kerjasama antara UPM dan pengurusan HLGBM.

"Saya dapati semua peserta begitu bersemangat bergotong-royong.

"Selain HLGBM, kami juga menguruskan dua lagi kawasan hutan lipur iaitu Hutan Lipur Gua Tampin dan Hutan Lipur Gunung Datuk.

"Banyak perkara perlu dilakukan memandangkan tempat ini mula dikunjungi pencinta alam terutama mereka yang menggemari aktiviti mencabar di dalam hu-

tan," katanya ketika ditemui pada program berkenaan.

Menurut Caly, peserta melakukan aktiviti menggantikan atap dewan makan, merobohkan bangunan usang dan membersihkan kawasan persekitaran.

"Semua aktiviti ini disudahkan sebelum jam 6 petang untuk membolehkan penuntut terbabit membuat persediaan bagi acara merentas hutan pada waktu malam dan sesi burung pungguk yang memerlukan ketahanan mental serta fizikal," katanya.

Ketua Juruarah HLGBM, Johari Abu, 62, berkata, kawasan ini berpotensi menjadi satu daripada produk pelancongan hebat pada masa depan jika diuruskan dengan baik.



MUNIR

"Kawasan ini mula diteroka pada 1983 dan walaupun kemudahan di sini terhad, ia semakin dikenali dan menarik kehadiran ramai pengunjung seperti belia, persatuan sekolah dan kelab."

"Malah, HLGBM juga pernah dikunjungi pelancong Jepun, Korea dan Singapura yang menggembari aktiviti laksak," katanya.